

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil bagi meningkatkan kesedaran golongan pelajar sekolah terhadap perkembangan politik semasa ekoran daripada kejayaan kempen #Undi18 sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan akan terus mengambil langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan kesedaran murid sebagai persediaan menjadi pengundi apabila berumur 18 tahun. Usaha KPM ini dilaksanakan melalui pendekatan kurikulum, kokurikulum dan pelbagai program bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada murid termasuk mengadakan kerjasama dengan Jabatan atau Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan Demokrasi dan Perlembagaan dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Tajuk ini diajar kepada murid berbeza-beza mengikut aras dan tahap kebolehan serta keupayaan murid sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah. Melalui pelaksanaan Pendidikan Sivik pula, KPM turut memberi pendedahan kepada murid di awal usia sebagai usaha meningkatkan literasi politik pengundi muda dengan membincangkan beberapa tajuk seperti Sistem Demokrasi Berparlimen, Pemupukan Jati Diri, Sistem Raja Berperlembagaan, Rukun Negara, Semangat Patriotik dan Cintai Malaysia.

Berikut merupakan antara kerjasama yang dilaksanakan oleh KPM dengan jabatan/agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan sebagai persediaan selaras dengan #Undi18:

1. Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Penerangan Malaysia untuk melaksanakan aktiviti patriotisme melalui Kelab Malaysiaku. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini adalah Amalan Demokrasi Berparlimen, Kembara Kelab Malaysiaku, Wacana Kemerdekaan, Kem Aspirasi Pelajar dan Sketsa Rukun Negara;
2. Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengamalan Rukun Negara. Selaras

dengan prinsip ketiga Rukun Negara iaitu Keluruhan Perlembagaan, penerapan sistem demokrasi dilaksanakan melalui aktiviti Mini Parlimen, Bulan Kesedaran Perlembagaan, Bulan Kemerdekaan, Lawatan Kenegaraan dan Forum berkaitan Perlembagaan; dan

3. Mengadakan kerjasama dengan SPR Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menjalankan sesi sindikasi dan simulasi pemilihan ketua murid melalui mekanisme pilihanraya sebagai projek rintis di sekolah. Dapatkan program rintis tersebut dijadikan asas kepada penyediaan garis panduan pelaksanaan proses pilihanraya di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid.

Melalui Akademi Pilihan Raya (APR), SPR turut menjalankan Program Pendidikan Sivik di semua sekolah menengah dan meneruskan Program Pendidikan Pengundi sedia ada. Berhubung dengan perkara ini, SPR bersama KPM telah merancang untuk menganjurkan "Program Pendidikan Sivik - *Road To School*" yang akan melibatkan 2,436 buah sekolah menengah di Malaysia pada tahun 2020. Program tersebut akan melibatkan para pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6 yang dianggarkan seramai 545,000 orang.

Kementerian percaya bahawa dengan usaha berterusan dan kerjasama yang dilaksanakan akan dapat mempersiapkan murid-murid mengetahui hak dan tanggungjawab sebagai pengundi yang akan menentukan hala tuju Kerajaan dan masa depan negara.

Sekian, terima kasih.